

**NO. SOALAN: 4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**(KUALA PILAH)**

**RUJUKAN : 9080**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah dalaman yang sedang dilakukan bagi mengekang penglibatan rakyat Malaysia terhadap kumpulan-kumpulan militan seperti ISIS yang nyata mengancam keselamatan negara.

## **JAWAPAN:**

**Kerajaan tidak menolak kemungkinan ancaman pengganas di luar negara akan merebak ke negara kita. Dalam hal ini Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:**

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama daripada segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut;**
- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperoleh hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**
- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;**
- 4) Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu**

- bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan Polis Diraja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;
  - 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh kumpulan pengganas dapat dikekang; dan
  - 7) Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Harapan kerajaan adalah untuk mengembalikan mereka yang terpengaruh dengan ideologi kumpulan pengganas ini kepada masyarakat untuk sama-sama membangunkan Negara yang tercinta ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan melindungi keselamatan negara yang dimainkan oleh pihak polis sahaja tidak mampu untuk memastikan keselamatan negara di segenap penjuru. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli Yang Berhormat serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas ini. Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis amat diharapkan agar elemen kumpulan pengganas dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh kerajaan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI HASAN BIN MALEK [ KUALA PILAH ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana dan apakah langkah yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian dalam mengatasi masalah kekurangan guru-guru pakar terutama di kawasan luar bandar kerana kengangan guru-guru pakar bertugas di sekolah-sekolah pedalaman.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjalankan penempatan guru baharu setelah diperakui lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen. Guru-guru tersebut telah mendapat latihan ikhtisas perguruan dan mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dengan opsyen. Untuk makluman, buat masa ini seramai 16 orang guru pakar/cemerlang sedang bertugas di kawasan pedalaman. Guru-guru tersebut berperanan membimbing guru-guru baharu di sekolah-sekolah pedalaman. Di samping itu, guru-guru yang telah lama berkhidmat turut membimbing guru-guru baharu ini bersesuaian dengan pengalaman mereka.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah masalah dan rintangan yang dihadapi oleh Kementerian sehingga menyebabkan pembinaan bangunan kekal SMK Kanibongan Pitas lewat disiapkan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mempercepatkan proses pembinaan bangunan sekolah ini.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kelewatan pembinaan bangunan kekal SMK Kanibongan Pitas adalah disebabkan oleh perubahan kerja akibat penemuan batu besar di tapak pembinaan. Lanjutan masa telah diluluskan bagi perubahan kerja tersebut sehingga 3 Mac 2017. Peratus kemajuan semasa projek ialah 14.67 peratus berbanding 12.66 peratus seperti yang dijadualkan.

**SOALAN ( 7 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[ KUDAT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membina bangunan balai bomba di daerah Pitas memandangkan semasa kecelakaan, perkhidmatan menyelamatkan terpaksa diminta dari daerah lain yang secara tidak langsung akan melambatkan usaha menyelamatkan mangsa.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenalpasti tapak balai bomba di PT.87230001, Pitas, Kudat seluas 4.953 ekar. Projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pitas telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dengan kos sebanyak RM4 juta. Di samping pembinaan balai bomba, sebanyak 4 pintu rumah kuarters akan dibina melibatkan 1 kelas E dan 3 kelas F.

Projek BBP Pitas kini telah selesai proses rekabentuk dan proses tender akan dijalankan dalam masa terdekat. Berdasarkan perancangan Kementerian, kerja-kerja pembinaan **dijangka** bermula pada bulan Ogos 2016 ini.